

Kerajaan tidak meminjam bagi menguruskan negara

UM-4/3/2007.

KUALA LUMPUR 3 Mac - Kerajaan tidak pernah membuat sebarang pinjaman bagi menguruskan negara berikutan tindakannya mengamalkan pengurusan kewangan yang berdisiplin.

Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop berkata, pengurusan perbelanjaan kerajaan adalah ditampung menerusi hasil yang diperolehnya seperti cukai.

"Dalam tempoh 50 tahun (merdeka) kita tidak pernah meminjam walaupun satu sen untuk menguruskan kerajaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Program Perantis Usahawan Tekno Pemuda UMNO-Skali (Perantis) di sini hari ini.

Hadir pada majlis itu ialah Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Menurut Nor Mohamed, pinjaman hanya dilakukan untuk tujuan pembangunan dan kebanyakannya diperoleh daripada dalam negara.

"Bagaimanapun kadang-kadang kita melakukan pinjaman untuk pembangunan dari luar negara dan itu pun bagi tujuan penarafan (kredit negara)," jelasnya.

Tambah beliau, berikutan


keadaan kewangan negara yang baik, pinjaman yang dilakukan sebelum ini dibayar lebih awal daripada jadual asal.

"Pernah sekali saya (ketika berkhidmat dengan Bank Negara Malaysia) berjumpa dengan Bank Jepun untuk membayar balik pinjaman lebih awal, tetapi mereka tidak membenarkannya," katanya.

Nor Mohamed berkata, tindakan itu dilakukan dengan alasan pembayaran awal tiada dalam perjanjian dan bank asing itu sebenarnya gembira Malaysia yang mempunyai penarafan kredit yang baik termasuk dalam senarai peminjamnya.

Sementara itu, beliau juga berkata, Malaysia yang mempunyai beberapa kelebihan, mampu menarik pelabur asing walaupun negara terpaksa bersaing dengan China, India, Vietnam dan negara-negara Latin Amerika.

Beliau menambah, dengan mekanisme dan insentif yang ada selain mempunyai kestabilan politik, sistem perundangan yang kukuh dan kemahiran penduduk menguasai bahasa Inggeris, Malaysia mampu menjadi destinasi pelaburan yang menarik.



NOR Mohamed Yakcop mendengar penerangan daripada Tengku Farith Rithauddeen selepas majlis pelancaran program Perantis Usahawan Tekno Pemuda UMNO-Skali (Perantis) di Kuala Lumpur, semalam.

— Gambar ASWAD YAHYA